

ISU ETIKA DI KALANGAN PROFESIONAL DALAM INDUSTRI PEMBINAAN
MALAYSIA

IDRIS BIN ABDUL RASHID

Laporan projek ini dikemukakan
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana (Pengurusan Projek)

Sekolah Kejuruteraan Awam
Fakulti Kejuruteraan
Universiti Teknologi Malaysia

JANUARI 2019

DEDIKASI

Teristimewa untuk

Mak, Abah tersayang

Abdul Rashid Bin Wah, Fatimah Binti Usop

“Kasih sayang, doa dan penghargaan yang di berikan takkan mampu untuk dibalas hingga ke akhir hayat. Selagi nyawa dikandung badan, hanya doa diutuskan untuk kesejahteraan dan kebahagiaan”.

Untuk Isteri tercinta,

Saidatul Suhaizah Binti Setapa

“Semoga segala pengorbanan ini menjadi bukti kasih sayang kita”

Teman seperjuangan,

“Sentiasa memberi sokongan dan bantuan”

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur kepada Allah s.w.t kerana dengan izin-Nya saya dapat menyempurnakan laporan projek sarjana ini dan membolehkan saya untuk menyempurnakan pengajian di peringkat Ijazah Sarjana di Universiti Teknologi Malaysia.

Di kesempatan ini saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan saya kepada penyelia yang dikasihi iaitu En. Abdul Rahim Abdul Hamid di atas sokongan, bantuan, tunjuk ajar dan nasihat beliau yang sangat berguna dan membantu saya untuk menyempurnakan laporan projek sarjana ini.

Kejayaan menyempurnakan laporan projek ini saya hadiahkan untuk mak, abah, isteri dan keluarga tercinta yang sentiasa memberikan sokongan dan dorongan agar saya terus berusaha dan tidak berputus asa sehingga ke tahap ini.

Tidak lupa juga penghargaan ini ditujukan kepada responden-responden yang telah memberikan kerjasama yang baik dalam menjawab borang soal selidik seterusnya membantu saya mencapai objektif ini.

Akhir kata, penghargaan ikhlas kepada rakan-rakan seperjuangan Pengurusan Projek yang sama-sama membantu dan memberikan sokongan yang hanya Allah s.w.t sahaja dapat membalasnya. Semoga Allah meredhai kalian semua. Amin

ABSTRAK

Golongan profesional adalah penting dalam sesuatu projek. Walau bagaimanapun, konflik kepentingan di kalangan profesional seperti pelanggan dan kontraktor, pengurus projek, jurutera bidang, juru ukur kuantiti, pereka / arkitek memainkan peranan penting dalam amalan tidak beretika yang mempunyai kesan buruk terhadap kualiti produk, kepercayaan dan keyakinan pelabur dalam industri pembinaan. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti beberapa isu etika yang berlaku di kalangan profesional dalam industri pembinaan serta faktor utama yang menggalakkan amalan ini di Malaysia. Sebanyak 50 set borang soal selidik di kumpul dari kalangan profesional di Lembah Klang. Data yang di kumpul kemudian dianalisis menggunakan kaedah Taburan Frekuensi dan Indeks Purata. Penemuan menunjukkan bahawa terdapat banyak amalan tidak beretika yang ditemui di kalangan profesional dalam proses perolehan, 12 dari 21 amalan tersebut ditunjukkan sebagai tinggi seperti pengeluaran tender untuk pertukaran wang dan mendedahkan maklumat sulit. Kajian itu mendedahkan bahawa tidak beretika memberikan impak negatif kepada industri dari segi kualiti dan kesan kewangan. Penalti yang lebih berat dan pemimpin yang beretika adalah antara cara untuk mengurangkan amalan tidak beretika di kalangan profesional dalam industri Malaysia.

ABSTRACT

Professionals are integral to the project. However, conflicts of interest among professional such as clients and contractors, project managers, field engineers, quantity surveyors, designers / architects play an important role in unethical practices that have an adverse effect on product quality, trust and investor confidence in the construction industry. Therefore, this study aims to identify some of the ethical issues that occur among the professionals in the construction industry as well as the main factors that encourage this practice in Malaysia. Fifty (50) set of questionnaire forms were collected among the professional in the Klang Valley area. The collected data was then analysed using Frequency Distribution and Average Index method. The findings showed that there are many unethical practices were found among professional in procurement process, 12 out of 21 were indicated as high such as withdrawal of tender for exchange of money and revealing confidential information. The study revealed that unethical give negative impact to the industry in term of quality and financial effect. Heavier penalty and ethical leadership are among ways to reduce unethical practices among professional in the Malaysian industry.

KANDUNGAN

	TAJUK	MUKASURAT
	DEKLARASI	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	x
	SENARAI RAJAH	xi
	SENARAI SINGKATAN	xi
	SENARAI LAMPIRAN	xii
BAB 1	Pengenalan	1
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Penyataan Masalah	3
	1.3 Matlamat dan Objektif	3
	1.4 Skop Kajian	4
	1.5 Metodologi Kajian	4
	1.6 Susunan Laporan	5
BAB 2	KAJIAN LITERATUR	7
	2.1 Pengenalan	7
	2.2 Etika	8
	2.2.1 Definisi	8
	2.2.2 Falsafah Etika	9
	2.2.3 Kod Etika	10
	2.3 Profesional	11
	2.4 Etika Profesional	14
	2.5 Tanggungjawab Profesional	15

2.6	Dilema Profesional	17
2.7	Etika dalam Perniagaan	19
2.8	Etika Profesional dalam Industri Pembinaan	21
2.9	Faktor Pelanggaran Etika dalam Industri Pembinaan	22
2.10	Jenis-jenis Amalan Tidak Beretika	23
2.11	Rumusan	25
BAB 3	METODOLOGI KAJIAN	27
3.1	Pengenalan	27
3.2	Kajian Literatur	29
3.3	Soal Selidik	29
3.4	Data Analisis	30
	3.4.1 Analisis Kandungan	30
	3.4.2 Indeks Purata	31
	3.4.2 Skala Likert	32
3.5	Rumusan	32
BAB 4	KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN	33
4.1	Pengenalan	33
4.2	Soalan Kaji Selidik	33
	4.2.1 Latar Belakang Responden	34
	4.2.2 Jenis Institusi Responden	34
	4.2.3 Jawatan Responden	35
	4.2.4 Pengalaman Kerja	35
	4.2.5 Pengalaman Kerja Dalam Organisasi	36
	4.2.6 Kelayakan Akademik	37
	4.2.7 Umur	38
4.3	Mengenalpasti amalan yang tidak beretika di kalangan profesional yang dikesan dalam projek pembinaan di Malaysia dengan memfokus kepada proses perolehan Responden	39
4.4	Mengenalpasti kesan amalan yang tidak beretika terhadap industri pembinaan	50

4.5	Mencadangkan penambahbaikan untuk mengurangkan amalan yang tidak beretika di kalangan profesional dalam industri pembinaan	55
4.6	Rumusan	59
BAB 5	PENEMUAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN	61
5.1	Pengenalan	61
5.2	Penemuan	61
5.2.1	Mengenalpasti amalan yang tidak beretika di kalangan profesional yang dikesan dalam projek pembinaan di Malaysia dengan memfokus kepada proses perolehan.	62
5.2.2	Mengenalpasti kesan amalan yang tidak beretika terhadap industri pembinaan.	63
5.2.3	Mencadangkan penambahbaikan untuk mengurangkan amalan yang tidak beretika di kalangan profesional dalam industri pembinaa	64
5.3	Cadangan Penambahbaikan Bagi Kajian Akan Datang	64
5.4	Limitasi Kajian	65
RUJUKAN		61

SENARAI JADUAL

NO JADUAL.	TITLE	MUKA SURAT
Jadual 3.1	Kategori Indeks Purata	31
Jadual 4.1	Komitmen terhadap etika tingkahlaku di kalangan profesional dalam industri pembinaan di Malaysia.	40
Jadual 4.2	Jenis amalan tidak beretika di kalangan profesional dalam industri pembinaan di Malaysia pada fasa perolehan.	42
Jadual 4.3	Jenis amalan tidak beretika di kalangan profesional dalam industri pembinaan di Malaysia pada fasa selepas penganugerahan kontrak.	47
Jadual 4.4	Kesan amalan tidak beretika dalam industri pembinaan terhadap kos	50
Jadual 4.5	Kesan amalan tidak beretika dalam industri pembinaan terhadap kos	51
Jadual 4.6	Kesan amalan tidak beretika dalam industri pembinaan terhadap kualiti projek.	52
Jadual 4.7	Kesan amalan tidak beretika dalam industri pembinaan daripada etika organisasi.	53
Jadual 4.8	Kesan amalan tidak beretika dalam industri pembinaan daripada etika organisasi.	54
Jadual 4.9	Kaedah untuk memperbaiki amalan etika	56
Jadual 4.10	Kaedah untuk memperbaiki amalan etika	56
Jadual 4.11	Kaedah untuk memperbaiki amalan etika	58

SENARAI RAJAH

NO RAJAH.	TAJUK	MUKA SURAT
Rajah 3.1	Carta alir metodologi kajian	28
Rajah 3.2	Tahap peningkatan kritikal pada Skala Likert	32
Rajah 4.1	Taburan Jenis Institusi Responden	34
Rajah 4.2	Jawatan responden	35
Rajah 4.3	Taburan responden berdasarkan pengalaman kerja	36
Rajah 4.4	Taburan responden berdasarkan pengalaman kerja dalam organisasi	37
Rajah 4.5	Taburan responden berdasarkan kelayakan akademik	38
Rajah 4.6	Taburan responden berdasarkan umur responden	38
Rajah 4.7	Taburan kesan amalan tidak beretika dalam industri pembinaan terhadap kos	51
Rajah 4.8	Taburan amalan tidak beretika dalam industri pembinaan daripada etika organisasi	55
Rajah 4.9	Taburan kaedah untuk memperbaiki amalan etika	57
Rajah 4.10	Taburan kaedah untuk memperbaiki amalan etika	58

SENARAI SINGKATAN

ECSA	-	The Engineering Council of South Africa
GA	-	Royal Institution of Chartered Surveyors

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
Lampiran A	Borang Soal Selidik	70

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pengenalan

Industri pembinaan adalah sektor perniagaan yang mencabar dan mempunyai permintaan yang tinggi. Walau bagaimanapun, amalan etika dalam industri pembinaan adalah sama penting seperti disiplin yang lain (Shah, R. K., & Alotaibi, M. 2017). Sebagai tajuk yang selalu dibincangkan, amalan tidak beretika adalah antara masalah yang paling serius yang mempengaruhi industri pembinaan. Industri pembinaan menghadapi beberapa isu etika yang terdiri daripada tetapi tidak terhad kepada: konflik kepentingan, inflasi bil, ketidakcekapan profesional, kemajuan kerja yang lemah, penipuan, rasuah, salah laku profesional, ugutan dan sogokan adalah antara beberapa kesalahan yang sering berlaku (Shah, R. K., & Alotaibi, M. 2017).

Akibat daripada amalan yang tidak beretika dalam industri pembinaan boleh menyebabkan kurangnya keyakinan terhadap profesion tersebut. Amalan kerja tidak selamat yang berterusan yang berupaya menjejaskan kehidupan dan harta benda, kehilangan pendapatan daripada pelanggan dan kerajaan, perbelanjaan yang tidak perlu dan tidak berasas yang meningkatkan tahap kemiskinan dan mengurangkan kualiti hidup (Shah, R. K. & Alotaibi, M. 2017).

1.2 Penyataan Masalah

Sektor pembinaan di Malaysia seperti di kebanyakan negara lain terdiri daripada pelbagai sektor yang berbeza termasuk kumpulan pelanggan, majlis perbandaran dan negeri, pertubuhan swasta, individu, pemaju, kontraktor, pembekal, pengilang dan profesional, arkitek, juruukur bahan, dan jurutera yang menggabungkan bidang sivil, struktur, mekanikal dan elektrik. Di samping itu, terdapat badan

pengawalseliaan yang menyokong fungsinya untuk memeriksa dan memastikan bahawa kerja pemasangan yang dilakukan oleh pekerja mahir disahkan memenuhi piawaian yang telah ditetapkan oleh undang-undang bangunan. Masalah utama yang timbul ialah kesemua pihak yang berkepentingan ini adalah daripada pecahan yang berbeza dalam industri (Hiyassat, 2000).

Dalam pelbagai projek pembinaan yang berjalan di Malaysia terdapat banyak masalah dan isu-isu kompleks yang timbul. Antara isu paling penting yang kini timbul dalam persekitaran industri pembinaan adalah amalan tidak beretika. Tahap etika yang tinggi menunjukkan tahap prestasi profesional yang tinggi, oleh kerana itu tahap ketidakpuasan pelanggan akan menjadi rendah. Kejayaan sesuatu projek pembinaan bergantung terutamanya kepada amalan pihak-pihak yang terlibat dalam projek ini bermula dari fasa awal sehingga ke fasa akhir. Kebanyakan syarikat yang terlibat dalam industri pembinaan terdedah kepada kelakuan tidak beretika semasa projek sedang berjalan. Terdapat banyak faktor yang menyebabkan seseorang itu terlibat dalam isu-isu etika dalam industri pembinaan dan kebanyakan tindakan yang tidak beretika terletak dalam proses perolehan projek (Abu Hassim *et al.*, 2010).

Salah laku di kalangan golongan profesional telah meningkat dan terdapat kekeliruan antara amalan praktikal golongan profesional dan amalan etika seperti yang dituntut, oleh kerana mereka adalah golongan yang berpendidikan dalam industri, maka sudah tentu harapan adalah terletak kepada mereka untuk memperbaiki amalan tidak beretika dan menjalankan tugas mereka yang sebenar. Kajian ini bertujuan untuk menyiasat isu-isu etika dalam industri pembinaan dan memberi gambaran tentang keadaan amalan tidak beretika dalam industri pembinaan di Malaysia. Ia melihat kepada kerumitan isu etika dan cabaran yang menghalang kepada amalan etika dalam industri sebenar.

1.3 Matlamat dan Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mendapatkan gambaran yang jelas tentang amalan yang tidak beretika di kalangan profesional dalam industri pembinaan di Malaysia.

Objektif kajian ini dapat diringkaskan seperti berikut:

- (a) Mengenalpasti amalan yang tidak beretika di kalangan profesional dalam projek pembinaan di Malaysia dengan memfokus kepada proses perolehan.
- (b) Mengenalpasti kesan amalan yang tidak beretika terhadap industri pembinaan.
- (c) Mencadangkan penambahbaikan untuk mengurangkan amalan yang tidak beretika di kalangan profesional dalam industri pembinaan.

1.4 Skop kajian

Skop kajian berfungsi sebagai alat panduan yang direka untuk menyelidik dan memberi tumpuan kepada tujuan dan objektif kajian. Kajian ini menumpukan kepada beberapa isu etika di kalangan golongan profesional yang terlibat dalam industri pembinaan di Malaysia seperti pihak yang berkepentingan dalam industri pembinaan, iaitu pelanggan, perunding dan kontraktor dan sebagainya.

Terdapat tiga objektif yang akan membantu bagi menyempurnakan kajian ini iaitu mengenalpasti amalan yang tidak beretika di kalangan profesional industri pembinaan di Malaysia dengan memfokus kepada proses perolehan, mengenalpasti kesan amalan yang tidak beretika terhadap industri pembinaan, mencadangkan penambahbaikan untuk mengurangkan amalan yang tidak beretika di kalangan profesional dalam industri pembinaan.

1.5 Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan maklumat primer dan sekunder. Tujuan utama peringkat ini adalah bagi mendapatkan data-data primer dan sekunder yang akan digunakan bagi tujuan analisis. Terdapat dua jenis maklumat yang dikumpulkan iaitu data primer diperoleh hasil daripada soal selidik. Tujuan soal selidik dilakukan bagi mendapatkan maklumat mengenai isu etika di kalangan profesional dalam industri pembinaan malaysia manakala data sekunder seperti data-data yang diperoleh daripada artikel, jurnal, buku, kertas kerja persidangan atau seminar, sumber akhbar, dan sumber internet berkaitan isu etika di kalangan profesional dalam industri pembinaan malaysia.

1.6 Susunan Laporan

Kajian ini dibahagikan kepada lima (5) bab.

- a) Bab 1 menerangkan tentang keseluruhan kajian ini. Dalam bab ini juga dia menerangkan tentang Matlamat dan objektif kajian, skop kajian, metodologi kajian serta susunan laporan kajian ini secara keseluruhannya.
- b) Bab 2 adalah merupakan kajian literatur yang dikumpulkan dari bahan bacaan seperti buku, jurnal dan majalah. Bab ini dibahagikan kepada beberapa topik utama yang berkaitan dengan kajian ini. Topik-topik ini adalah mengenai etika, profesional, etika profesional, tanggungjawab profesional, faktor pelanggaran etika dalam industri pembinaan dan jenis-jenis amalan tidak beretika
- c) Bab 3 menerangkan secara terperinci metodologi yang digunakan dalam kajian ini untuk mencapai tujuan. Ini termasuk kaedah untuk pengumpulan data dan analisis data.

- d) Bab 4 adalah menganalisis data menggunakan analisis indeks purata dan peratusan untuk dapatan soal selidik. Setiap bahagian soal selidik dianalisis secara terperinci dan gambarajah carta bar digunakan bagi menggambarkan keputusan.

- e) Bab 5 pula ialah membuat kesimpulan kajian secara menyeluruh mengenai tajuk dan menilai sama ada objektif kajian dipenuhi. Cadangan untuk kajian lanjut juga dicadangkan.

RUJUKAN

- Abdul-Rahman, H., Wang, C., & Yap, X. W. (2010). How professional ethics impact construction quality: Perception and evidence in a fast developing economy. *Scientific Research and Essays*, 5(23), 3742-3749.
- Abu Hassim, A., Kajewski, S. L., & Trigunaryah, B. (2010, December). Factors contributing to ethical issues in project procurement planning: a case study in Malaysia. In *Proceedings of 2010 International Conference on Construction & Real Estate Management Volume 1* (pp. 312-317). China Architecture and Building Press.
- Azhar, S., Selph, J., & Maqsood, T. (2011, April). Unethical business practices and corruption in international construction: A survey of American contractors working overseas. In *6th Nordic Conference on Construction Economics and Organisation* (p. 457).
- Davis, M. (1991). Thinking like an engineer: The place of a code of ethics in the practice of a profession. *Philosophy & Public Affairs*, 158-165
- Degn, E., & Miller, K. R. (2003). Bid shopping. *Journal of construction education*, 8(1), 47-55.
- Donaldson, T. (2001). Constructing a social contract for business. *Business Ethics: Critical Perspectives on Business and Management*, 1, 209.
- Fellows, R. (2003, October). Professionalism in construction: Culture and ethics. In *CIB TG23 International Conference*.
- Fewings, P. (2009). Ethics for the Built Environment. *Taylor & Francis Group*, London and New York.
- Hartman, L. P. (2005). *Perspectives in business ethics*. Singapore: McGraw-Hill.
- Hatcher, T. (2004). Environmental ethics as an alternative for evaluation theory in for-profit business contexts. *Evaluation and Program Planning*, 27(3), 357-363.
- Hiyassat, M. A. S. (2000). Applying the ISO standards to a construction company: a case study. *International Journal of Project Management*, 18(4), 275-280.

- Howard. (2000). *Professional Ethics and the Rules of Conduct for the Royal Institution of Chartered Surveyors (RICS)*. United Kingdom: College Of Estate Management
- JEFFERIES, M., & KIRK, A. (2004). Ethical behaviour in the construction procurement process. *Globalisation and Construction*, 941.
- London, K., Everingham, P., & Oliver, J. (2006). Ethical behaviour in the construction procurement process. *Cooperative Research Centre for Construction Innovation, Brisbane, QLD, Australia*.
- Mason, J. (2009). Ethics in the construction industry: the prospects for a single professional code. *International Journal of Law in the Built Environment*, 1(3), 194-204.
- Matthews, P. (2016, February). This is why construction is so corrupt. In *World Economic Forum* (Vol. 4).
- McDowell, B. (1991). Ethical conduct and the professional's dilemma: Choosing between service and success.
- Mishra, P., Dangayach, G. S., & Mittal, M. L. (2011). An Ethical approach towards sustainable project Success. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 25, 338-344.
- Moylan, W. A. (2008). Building Ethics in construction partnerships. *V: PM World Today*, 8-21.
- Ogachi, J.F. (2011). The Status of the Procurement Profession in Kenya: Baseline Indicators 2011. *Centre for Advanced Procurement Studies*. Nairobi.
- Olusegun, A. E., Benson, O. A., Esther, A. I., & Michael, A. O. (2011). Corruption in the construction industry of Nigeria: causes and solutions. *Journal of Emerging Trends in Economics and Management Sciences (JETEMS)*, 2(3), 156-159.
- Onsrud, H. J. (1995). Identifying unethical conduct in the use of GIS. *Cartography and Geographic Information Systems*, 22(1), 90-97.
- Oxford Dictionary (1999), *Concise oxford dictionary: 10th edition*, Oxford University Press, UK.
- Oyewobi, L, Ganiyu, B, Oke, A, Ola-Awo, A and Shittu, A. (2011). Determinants of unethical performance in Nigerian construction industry, *Journal of sustainable development* , Vol. 4, No. 4, pp. 175-182.
- Pearl, R., Bowen, P., Makanjee, N., Akintoye, A., & Evans, K. (2005, July). Professional ethics in the South African construction industry-A pilot study. In

The Queensland University of Technology Research Week International Conference (pp. 4-8).

Poon, D. J. (2004). Ethical Behaviors.

Rahman, A. B. A. (2008). *Unethical conduct among professionals in the construction industry* (Doctoral dissertation, Doctoral dissertation report, University Teknologi Malaysia).

Ray, R. S., Hornibrook, J., Skitmore, M., & Zarkada-Fraser, A. (1999). Ethics in tendering: a survey of Australian opinion and practice. *Construction Management & Economics*, 17(2), 139-153.

Roger, K. (1998). Business ethics and the market economy, *Chartered institute of corporate management*.

Shah, R. K., & Alotaibi, M. (2017). A study of unethical practices in the construction industry and potential preventive measures. *Journal of Advanced College of Engineering and Management*, 3, 55-77.

Svensson, G., & Wood, G. (2005). Corporate ethics in TQM: management versus employee expectations and perceptions. *The TQM Magazine*, 17(2), 137-149.

Talukhaba, A. (2009). *The relationship between corporate culture of south African construction firms and performance* (Doctoral dissertation, School of Business and Government Leadership, North West University).

Toner, M. (2001). Corporate values and ethics – The gap between principles and practice, *6th world congress of chemical engineering, Melbourne, Australia*.

Tow, D and Loosemore, M. (2009). Corporate ethics in the construction and engineering industry, *Journal of legal affairs and dispute resolution in engineering and construction* , vol. 1, No. 3, pp. 122-129.

Vee, C. and Skitmore, R. (2003). Professional ethics in the construction industry, *Engineering Construction and Architectural Management*, Vol. 10, No. 2, pp. 117-127.

Vee, C. and Skitmore, R. (2003). Professional ethics in the construction industry, *Engineering Construction and Architectural Management*, Vol. 10, No. 2, pp. 117-127.

Wikipedia. (2007). *Ethical Code*. Retrieved on 25th September 2018, from

https://en.wikipedia.org/wiki/Ethical_code

Whitbeck, C. (2011). *Ethics in engineering practice and research*. Cambridge University Press.